

Muhyiddin Harap Deepavali Semarak Hubungan Kaum Di Malaysia
Bernama
Oct 21, 2014

KUALA LUMPUR, 21 Okt (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berharap sambutan Deepavali dapat menyemarakkan lagi hubungan antara kaum dan memupuk perasaan saling hormat menghormati ke arah memelihara kesejahteraan dan keharmonian negara.

"Sehubungan itu, sempena sambutan yang diraikan bukan sahaja oleh penduduk berketurunan India malah rakyat berbilang kaum di negara ini, marilah kita sama-sama bersatu hati mengorak langkah membina negara Malaysia yang aman sentosa dan membangun dengan cemerlang," katanya dalam perutusan Deepavali di sini, pada Selasa.

Sumbangan masyarakat India dalam pembangunan Malaysia adalah penting dengan kaum lain di negara ini dan kerajaan amat menghargai setiap sumbangan serta usaha yang telah dilakukan oleh kaum India dalam usaha menjadikan Malaysia seperti sekarang, katanya.

"Sambutan perayaan Deepavali yang merupakan cuti umum di Malaysia tentulah peluang terbaik untuk kita saling mengunjungi dan menghargai sumbangan masyarakat India yang turut memainkan peranan dalam membangunkan negara yang tercinta ini.

"Saya berharap Pesta Cahaya bagi masyarakat India di Malaysia akan menerangi segala kegelapan yang menghalang kepada perpaduan antara kaum, semoga kita bersama-sama dapat menikmati kehidupan yang harmoni atas dasar toleransi yang sememangnya amat penting dalam negara pelbagai kaum di Malaysia," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1078785>